



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Oleh **NOOR DIANA AZIS**
Gambar **AZMAN ASMAYATIM**

Ekspo Pertanian UPM kembali

Sasar tarik 70,000 pengunjung sempena pesta konvokesyen dengan pelbagai acara

BAGI pencinta tumbuh-tumbuhan, buah-buahan mahupun inovasi pertanian, jangan lepaskan peluang untuk berkunjung ke Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diadakan pada 25 hingga 30 Oktober ini.

Program yang akan diadakan di Bukit Ekspo, Taman Pertanian Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu

menyediakan 150 gerai dan mengangkat tema 'Pertanian Bandaran Memupuk Kesejahteraan Rakyat' itu bermula dari pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Menurut

ABD. WAHID HARON Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM, **Prof. Dr. Abd. Wahid Haron**, orang ramai terutamanya pencinta industri pertanian diharap mengambil peluang tersebut untuk memeriahkan ekspo kali ke-37 ini kerana penganjurannya berbeza berbanding pesta konvokesyen di universiti-universiti tempatan lain.

"Masyarakat akan mengetahui idea dan cara pertanian bandaran mudah dan



ABD. Wahid Haron (tiga dari kiri) dan **Pengurus Kanan Pengedaran Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli** (tiga dari kanan) pada sidang akhbar di UPM baru-baru ini.

ringkas melalui demonstrasi aktiviti bercucuk tanam yang boleh dipraktikkan di persekitaran halaman rumah.

"Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan usahawan tani moden seperti mana saranan kerajaan sekali gus dapat menjimatkan kos dan dalam masa yang sama mampu menambah pendapatan isi rumah," katanya ketika

sidang media di UPM Serdang baru-baru ini.

Jenama Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM menampilkan kelainan menerusi pelbagai pameran dan aktiviti berteraskan pertanian termasuk jualan hasil tani yang tidak terdapat di universiti lain.

Antara aktiviti yang bakal diadakan

termasuklah pameran ternakan, lelongan kuda, jualan hasil pertanian termasuk anak pokok buah-buahan seperti durian dan mangga serta hiasan. Turut diadakan pertandingan ikan laga, klinik pertanian dan gubahan orkid.

Tambahnya, Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM kali ini akan dirasmikan pada 25 Oktober oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menjelaskan lebih lanjut beliau memberitahu, pihaknya mensasarkan kehadiran kira-kira 70,000 pengunjung berdasarkan tempoh enam hari program itu berlangsung.

Keyakinan jumlah tersebut berdasarkan tempoh acara yang bakal berlangsung berbanding lima hari pada ekspo sama tahun lalu yang berjaya menarik seramai 50,000 pengunjung.

Utusan Malaysia dan *Mingguan Malaysia* merupakan media rasmi ekspo tersebut buat tahun kedua berturut-turut.

Untuk mendapatkan sebarang maklumat lanjut mengenai ekspo tersebut, orang ramai boleh menghubungi Jawatankuasa Pesta di talian 03-89467301, 03- 89467299 atau 03-89466003.